

08 DEC 1999

Ghani-Sumpah

TARIKH ANGKAT SUMPAH JAWATAN MB JOHOR BELUM DITETAPKAN

JOHOR BAHRU, 8 Dis (Bernama) -- Tarikh upacara angkat sumpah jawatan Menteri Besar Johor dan barisan Exco Kerajaan Negeri belum ditetapkan.

Jurucakap Pejabat Menteri Besar ketika dihubungi berkata setakat ini pejabat itu belum mendapat perkenan istana berhubung upacara itu.

"Kita belum mendapat apa-apa arahan sama ada majlis itu akan diadakan di Istana Besar atau di Istana Bukit Serene," katanya.

Usaha untuk mendapatkan ulasan Datuk Abdul Ghani Othman berhubung perkara itu juga gagal.

Para wartawan telah berkumpul di pintu luar kediaman rasmi Menteri Besar di Saujana sejak 3.30 petang.

Bagaimanapun, satu setengah jam kemudian seorang wartawan menerima panggilan di telefon bimbitnya daripada Ketua Setiausaha Sulit kepada Menteri Besar, Elias Hasran bahawa Abdul Ghani tidak akan membuat apa-apa kenyataan hari ini.

Abdul Ghani dijadual menghadap Sultan Johor hari ini tetapi majlis itu ditangguhkan.

Semalam, Abdul Ghani telah menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai penubuhan kerajaan negeri Johor.

Pada 2 Dis lepas, Abdul Ghani berkata kali ini terdapat banyak muka baru dalam barisan exco kerana ada anggota sebelum ini tidak bertanding dan ada pula yang bertukar ke kerusi parlimen.

Yang tidak bertanding pada pilihan raya umum kali ini ialah Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar Datuk Sabariah Ahmad.

Tiga orang yang bertukar ke kerusi parlimen ialah Dr Abdul Latiff Ahmad (Pengerusi Kebudayaan, Belia dan Sukan), Datuk Abdul Kadir Annuar (Pengerusi Hal Ehwal Agama Islam) dan Speaker Datuk Ali Hassan.

Abdul Latiff ialah anggota parlimen kawasan Mersing, Abdul Kadir anggota parlimen Pulai dan Ali anggota parlimen Tebrau.

Pada pilihan raya umum 29 Nov lepas, BN mengulangi kejayaan yang dicapai pada tahun 1995 dengan menyapu bersih kesemua 20 kerusi parlimen dan 40 kerusi Dewan Undangan Negeri.

-- BERNAMA

MKO MAI